

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.01/10.12/2 Jld. 5 (10)

10 September 2026
28 Rabi'ulawal 1448

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 47/2026

PERPINDAHAN JABATAN SISTEM MAKLUMAT FAKULTI PENGURUSAN KE FAKULTI KOMPUTERAN

Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Senat Bil. 7/2025/2026 bertarikh 30 April 2026 telah meluluskan cadangan pemindahan Jabatan Sistem Maklumat dari Fakulti Pengurusan ke Fakulti Komputeran. Susulan kelulusan tersebut, Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) Bil. 11/2026 bertarikh 9 Julai 2026 dan Mesyuarat Jawatankuasa Pemilih Jawatan Guru (JPG) bertarikh 13 Ogos 2026 turut meluluskan penempatan staf jabatan berkenaan ke Fakulti Komputeran.

2. Objektif utama pemindahan Jabatan Sistem Maklumat dari Fakulti Pengurusan ke Fakulti Komputeran adalah untuk:

- i. **Melonjakkan Kedudukan QS World University Rankings by Subject (Computer Science and Information Systems):** Penyatuan semula kepakaran Sistem Maklumat di Fakulti Komputeran merupakan langkah kritikal bagi melonjakkan kedudukan ke tahap yang lebih tinggi (2025: #150; 2026: #130);
- ii. **Meningkatkan Keterlihatan dan Kepimpinan IR4.0:** Penyatuan entiti akademik ini dapat memudahkan perancangan strategik Universiti dalam menyokong dasar dan polisi negara; dan
- iii. **Memperkasakan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP):** Menyokong keperluan dan pengoptimuman sumber tenaga pengajar.

3. Perpindahan ini adalah melibatkan perkara berikut:

3.1 Pemindahan tiga (3) Program Akademik Pasca Siswazah berkuatkuasa pada Semester I, Sesi 2026/2027 seperti berikut:

- i. Sarjana Keusahawanan Teknologi Maklumat (MFMSA1CJS)
- ii. Sarjana Teknologi Maklumat Pengkhususan: Pengurusan Teknologi Maklumat (MBSCA2AJA)
- iii. Doktor Falsafah (PFMSA3AJA)

3.2 Pemindahan Kumpulan Penyelidikan *Information & Service Systems Innovation Research Group (ISSIRG)* merangkumi semua ahli Jabatan Sistem Maklumat termasuk seorang ahli penyelidik dari Jabatan Perakaunan dan seorang dari Jabatan Pemasaran dan Keusahawanan di Fakulti Pengurusan.


- 3.3 Penempatan 13 orang pensyarah Jabatan Sistem Maklumat Fakulti Pengurusan ke Fakulti Komputeran selaras dengan penjajaran klasifikasi disiplin dalam Sistem Maklumat kod *National Education Code* (NEC: 06 Teknologi Maklumat dan Komunikasi) secara teknikal diletakkan di bawah bidang komputeran mulai 1 September 2026.
4. Perpindahan Jabatan Sistem Maklumat Fakulti Pengurusan ke Fakulti Komputeran **berkuat kuasa pada 1 September 2026** dan struktur organisasi baharu Fakulti Komputeran adalah seperti di Lampiran.
5. Sehubungan dengan itu, semua warga Universiti diminta untuk mengambil maklum berkenaan perkara ini.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

Saya yang menjalankan amanah,


(DATO' DR. MOHD SHARIL BIN ABDULLAH)

Pendaftar

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
 - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Ketua Kampus UTM Cawangan Kuala Lumpur
 - Ketua Kampus UTM Cawangan Pagoh
 - Pegawai-pegawai Kanan/ Dekan/ Pengarah



CARTA ORGANISASI FAKULTI KOMPUTERAN

